



PESERTA... Peserta bengkel merakamkan gambar kenangan bersama Prof. Norazah.



GALAKAN...  
Prof. Norazah  
menggalakkan  
penerbitan  
secara  
efektif.

## FKAL UMS anjur Bengkel Penerbitan Jurnal Berindeks

KOTA KINABALU: Fakulti Ke-wangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah men-ganjurkan Bengkel "How to Publish in Indexed Journal" yang diadakan di Dorsett Grand Hotel, Labuan bersempena dengan persidangan 3rd Applied International Business Conference (AIBC) 2018 baru-baru ini.

Bengkel tersebut dikendalikan oleh Profesor dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia (UUM), Professor Ts. Dr. Hjh. Norazah Mohd Suki yang merupakan penerima Malaysia's Research Star Award 2018 dengan satisai index SCOPUS yang tinggi.

Dalam bengkel tersebut, beliau berkongsi tips penulisan jurnal, teknik memilih jurnal berkaitan topik penyelidikan, elemen peer review, dan sebagainya.

"Bengkel ini bertujuan untuk menarik minat ahli akademik dan pelajar pasca-

siswazah khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan melalui pendedahan tentang kemahiran penulisan jurnal yang efektif dan layak untuk diterbitkan di jurnal berindeks seperti ISI, SCOPUS dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta bengkel, Dr. Maya Puspa Rahman teruja dapat menyertai bengkel yang banyak memberikan ilmu baru buat peserta.

"Melalui bengkel ini, saya mendapat pendedahan mengenai teknik penulisan dan penerbitan yang efektif bagi menghasilkan artikel jurnal yang lebih berkualiti dalam memenuhi kriteria editor jurnal, dan diharapkan agar bengkel sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang," ujar beliau.

Seramai 40 peserta terdiri daripada ahli akademik dan pelajar pascasiswazah dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia dan luar negara menyertai bengkel tersebut.